

Malay | Bahasa Melayu

Mendaftar di sekolah rendah untuk tahun 2026

Bagi kanak-kanak, ibu bapa dan pengasuh, hari mula bersekolah memang hari yang penuh haru biru. Kami mahu membantu supaya proses pendaftaran berjalan seberapa lancar yang dapat bagi anda.

Di Victoria, anak anda berhak menghadiri 'local school', iaitu sekolah tempatan yang ditetapkan di kawasan anda, sejajar dengan *Education and Training Reform Act 2006*.

Anda juga boleh memohon sekolah yang bukan 'local school' anda. Sekolah itu akan menimbulkan permohonan anda berdasarkan Placement Policy (Dasar Penempatan). Untuk penerangan lanjut tentang Dasar Penempatan, layari halaman [Mendaftar di sekolah](#).



Garis masa baharu seluruh negeri untuk peringkat Foundation (Prep)

Tahun pertama sekolah rendah dinamakan Foundation atau Prep. Kami telah menerbitkan garis masa pendaftaran kelas Foundation yang mesti dipatuhi semua sekolah rendah kerajaan Victoria (lihat halaman 4). Garis masa ini untuk membantu anda memahami bila dan bagaimana mendaftarkan anak anda untuk kelas Foundation tahun persekolahan 2026.

Bilakah saya patut daftarkan anak saya untuk tahun pertama sekolah rendah?

Anak anda mesti berumur 5 tahun selewat-lewatnya pada 30 April tahun mereka mula bersekolah.

Semua kanak-kanak yang sudah meningkat 6 tahun diwajibkan bersekolah.

Untuk mendaftarkan anak anda di sekolah rendah kerajaan Victoria bagi tahun persekolahan 2026, kemukakan permohonan pendaftaran kepada sekolah selewat-lewatnya 25 Julai 2025.

Bagaimana saya patut daftarkan anak saya untuk tahun pertama sekolah rendah?

Lakukan langkah-langkah ini untuk mendaftarkan anak anda bagi tahun pertama sekolah rendah:

1. Carilah 'local school' anda di laman Find my School (lihat di bawah).
2. Hubungi sekolah rendah kerajaan untuk menempah lawatan sekolah atau mengetahui lebih lanjut tentang sekolah itu serta proses permohonan pendaftaran.
3. Muat turun pek penerangan pendaftaran Foundation (Prep) daripada halaman [Mendaftar untuk Foundation \(Prep\)](#). Pek ini akan disediakan selewat-lewatnya hari Selasa 22 April 2025, termasuk borang permohonan. Sekolah juga mungkin menyediakan anda salinan borang tersebut untuk dilengkapkan.
4. Kemukakan permohonan pendaftaran untuk kelas Foundation **selewat-lewatnya hari Jumaat 25 Julai 2025**.
5. Keputusan permohonan akan dimaklumkan **antara hari Isnin 28 Julai dengan Jumaat 8 Ogos 2025**. Jika ditawarkan tempat, anda patut menyatakan setuju **selewat-lewatnya hari Jumaat 22 Ogos 2025**.
6. Ikutilah sesi penerangan pendaftaran dan peralihan **semasa Penggal 4 tahun 2025**.
7. Anak anda akan memasuki kelas Foundation **mulai hari Rabu 28 Januari 2026**.

Bagaimana mencari 'local school' (sekolah tempatan) saya?

Carilah sekolah tempatan anda di laman Find my School mengikut langkah-langkah berikut:

1. Masukkan URL findmyschool.vic.gov.au di browser.
2. Untuk 'Enter your address to get started', masukkan alamat rumah anda yang tetap.
3. Untuk 'Enrolment year', pilih 2026. **Catatan:** Zon sekolah tahun 2026 akan diumumkan pada lewat Penggal 1 tahun 2025.
4. Untuk 'School type', pilih Primary.

Peta akan menunjukkan alamat anda dan sekolah tempatan anda. Butir-butir kontak sekolah tertera di sebelah kiri. Jika anda skrol ke bawah, peta juga menunjukkan lima sekolah yang paling dekat dengan alamat anda.

Anda juga dapat mencari nama sekolah di bawah 'Search for school'.

Bolehkah anak saya memohon sekolah rendah kerajaan yang bukan 'local school' kami?

Ya, anda boleh memohon sekolah yang bukan 'local school' anda. Sekolah itu akan menimbangkan permohonan anda berdasarkan Placement Policy (Dasar Penempatan) serta tempat yang ada.

Penerangan tentang bagaimana permohonan diberi keutamaan boleh didapati di halaman [Mendaftar di sekolah](#).

Apakah yang terjadi jika saya mendapat surat mengatakan permohonan pendaftaran saya tidak berjaya?

Anda patut memohon pendaftaran anak anda di sekolah lain. Anak anda dijamin mendapat tempat di sekolah tempatannya. Sekolah tempatan ditentukan berdasarkan alamat rumah anak anda yang tetap. Layari [Find my School](#) untuk mencari sekolah tempatan anak anda. Halaman [Mendaftar di sekolah](#) juga dapat membantu anda mengesahkan alamat anak anda untuk pendaftaran.

Anda juga boleh membuat rayuan terhadap sesuatu keputusan. Halaman [Mendaftar untuk kelas Foundation \(Prep\)](#) ada penerangan tentang proses merayu keputusan permohonan pendaftaran.

Apakah yang terjadi jika saya terlepas jangka masa pendaftaran?

Permohonan untuk mendaftarkan anak anda dalam kelas Foundation tahun persekolahan 2026 boleh dibuat pada bila-bila masa mulai Penggal 2 tahun 2025.

Permohonan pendaftaran patut dikemukakan selewat-lewatnya hari Jumaat 25 Julai 2025. Namun, permohonan selepas tarikh itu masih diterima jika keluarga terlepas garis masa pendaftaran, berpindah tempat tinggal tetap, atau baru tiba di Victoria.

Permohonan pendaftaran selepas 25 Julai 2025 akan diproses oleh sekolah mengikut tarikh permohonan, sejajar dengan Dasar Penempatan jabatan.

Di manakah boleh saya dapatkan penerangan lanjut tentang pendaftaran sekolah rendah?

Sekolah rendah tempatan dapat memberi penerangan lanjut tentang proses pendaftaran kelas Foundation.

Di awal Penggal 2 tahun 2025, pek penerangan proses pendaftaran Foundation juga boleh didapati di halaman [Mendaftar untuk kelas Foundation \(Prep\)](#).

Jika perlukan terjemahan pek penerangan, sila minta bantuan sekolah rendah tempatan anda.

Siapakah yang saya patut hubungi untuk meminta bantuan?

Jika ada soalan tentang proses pendaftaran, minta bantuan Transition Coordinator (Penyelaras Peralihan), Enrolment Officer (Pegawai Pendaftaran), atau Pengetua sekolah rendah di tempat anda memohon.

Pautan berguna

Beberapa pautan berikut mungkin berguna apabila anak anda memulai sekolah rendah:

Find my School (Cari Sekolah Saya) – findmyschool.vic.gov.au

Penerangan tentang zon sekolah – vic.gov.au/school-zones

Mendaftar untuk kelas Foundation (Prep) – vic.gov.au/enrolling-foundation-prep

Mendaftar di sekolah – vic.gov.au/how-choose-school-and-enrol

Pendidikan kurang upaya dan terangkum – vic.gov.au/disability-and-inclusive-education

Kontak pejabat serantau – vic.gov.au/office-locations-department-education

Garis masa untuk tahun 2025-26

Tarikh penting 2025	Aktiviti
Penggal 2: Selasa 22 April 2025 – Jumaat 4 Julai 2025	
Penggal 1 dan 2 tahun 2025	Sekolah rendah menjalankan lawatan, sesi penerangan dan aktiviti lain untuk keluarga yang ingin mendaftarkan anak mereka untuk kelas Foundation (Prep) tahun 2026.
Selewat-lewatnya permulaan Penggal 2 tahun 2025	Zon sekolah tahun persekolahan 2026 diumumkan di findmyschool.vic.gov.au . Ibu bapa dan pengasuh patut melayari findmyschool.vic.gov.au untuk mencari sekolah tempatan (local school) yang ditetapkan di kawasan mereka bagi tahun 2026. Pek Penerangan Pendaftaran untuk Ibu Bapa dan Pengasuh boleh dimuat turun di halaman Mendaftar untuk kelas Foundation (Prep) .
Mulai Minggu 1, Penggal 2 tahun 2025	Sekolah rendah boleh mengedarkan Pek Penerangan Pendaftaran kepada keluarga bakal pelajar dan komuniti tempatan.
Mulai Minggu 1, Penggal 2 tahun 2025	Permohonan pendaftaran dibuka – ibu bapa dan pengasuh mengemukakan permohonan pendaftaran yang telah lengkap kepada sekolah rendah kerajaan mulai tarikh ini.
Penggal 3: Isnin 21 Julai 2025 – Jumaat 19 September 2025	
Selewat-lewatnya Jumaat 25 Julai 2025	Tarikh akhir permohonan pendaftaran – ibu bapa dan pengasuh mengemukakan permohonan pendaftaran yang telah lengkap kepada sekolah rendah kerajaan selewat-lewatnya pada tarikh ini.
Antara Isnin 28 Julai dengan Jumaat 8 Ogos 2025	Sekolah rendah memaklumkan keputusan pendaftaran Foundation (Prep) kepada ibu bapa dan pengasuh, sejajar dengan Dasar Penempatan jabatan. Makluman ini mungkin berupa surat tawaran, surat pengesahan pendaftaran, atau surat permohonan tidak berjaya. Jika mendapat surat yang mengatakan permohonan tidak berjaya, ibu bapa dan pengasuh boleh mula kemukakan surat rayuan kepada sekolah.
Selewat-lewatnya Jumaat 22 Ogos 2025	Jika mendapat surat tawaran, ibu bapa dan pengasuh mesti menyatakan setuju selewat-lewatnya pada tarikh ini.
Selewat-lewatnya Jumaat 22 Ogos 2025	Tarikh akhir untuk ibu bapa dan pengasuh mengemukakan surat rayuan kepada sekolah rendah.
Selewat-lewatnya Jumaat 5 September 2025	Sekolah rendah memaklumkan keputusan rayuan kepada ibu bapa dan pengasuh, secara bertulis, selewat-lewatnya pada tarikh ini.
Selewat-lewatnya Jumaat 19 September 2025	Tarikh akhir untuk ibu bapa dan pengasuh mengemukakan surat rayuan kepada Regional Director (Pengarah Serantau), jika rayuan mereka kepada sekolah rendah tidak berjaya.
Penggal 4: Isnin 6 Oktober 2025 – Jumaat 19 Disember 2025	
Semasa Penggal 4 tahun 2025	Sekolah rendah mengadakan sesi peralihan.
Selewat-lewatnya Jumaat 31 Oktober 2025	Keputusan rayuan kepada Pengarah Serantau dimaklumkan kepada ibu bapa dan pengasuh oleh setiap rantau, secara bertulis, selewat-lewatnya pada tarikh ini. Hal ini hanya untuk rayuan yang diterima selewat-lewatnya pada tarikh akhir, iaitu Jumaat 19 September 2025.